

07 DISEMBER 2016

Rimas dengan mat gian

Rimas dengan mat gian

KOTABHARU - Tidak hirau keadaan sekeliling! Sekumpulan penagih dadah menggunakan kawasan rumah tinggal untuk melepaskan gian walaupun lokasi itu berhampiran dengan masjid di Lorong Kubur Maras di sini.

Situasi itu menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan penduduk, memandangkan kawasan berhampiran lokasi penagihan itu digunakan sebagai laluan harian penduduk untuk ke masjid berkenaan.

Namun atas kerjasama Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Kota Bharu, lokasi berkenaan akhirnya dimusnahkan selepas mendapat aduan daripada penduduk setempat.

Jawatnkuasa Pemulihan Dadah Daerah Kota Bharu, Mohamad Ali berkata, kawasan terbabit digunakan sebagai tempat melepaskan gian selepas dibiarkan kosong sejak tiga tahun lalu.

"Sebelum ini kami bersama AADK telah melakukan tangkapan terhadap tiga penagih di kawasan berkenaan, namun aktiviti menagih masih berjalan memandangkan golongan ini tidak serik dan gian menagih.

"Oleh itu kami sepakat untuk membersihkan lokasi ini dan memusnahkan-

nya bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini, dan mencegah kegiatan menagih daripada terus berleluasa," katanya.

Dalam operasi itu, 22 anggota penguatkuasa MPKB-BRI menyertai op bersama lapan pegawai AADK.

Sementara itu, Mohamad berkata, setakat ini pihaknya sering mengadakan kerjasama dengan pihak AADK untuk membersihkan sarang penagihan dadah di sekitar Kota Bharu.

"Kami berharap dengan tindakan ini juga dapat membuka mata penduduk kampung agar sentiasa prihatin terhadap gejala penagihan yang berlaku di kawasan berhampiran mereka.

"Ini perlu memandangkan jika ia tidak dibasmi di peringkat awal dan melibatkan kejiwaan, kita kluatir ia akan mempengaruhi anak-anak di kawasan kejiwaan berhampiran terhadap penagihan dadah," katanya.

Sementara itu, Penolong Pegawai AADK Kota Bharu, Syahrir Jusoh berkata, setakat tahun ini, 14 lokasi penagihan dadah di sekitar daerah Kota Bharu telah dimusnahkan termasuk tiga di Jalan Kubur Maras.

"Kita akan terus mengadakan operasi seumpama ini bagi mencegah kegiatan penagihan," katanya.